

Info ICT

KEROSAKAN JIKA KOMPUTER DITUTUP TANPA SHUTDOWN

1. Kehilangan data pada registry

Semasa komputer dalam proses pengendalian atau masih beroperasi, komputer akan mendaftar atau *registry* komponen komputer yang tersedia ada ataupun aplikasi yang telah digunakan, ini akan mengakibatkan komponen atau aplikasi tidak dapat disimpan pada *registry*, ianya akan mengakibatkan sistem *recovery* tidak berfungsi sebaiknya.

2. Akan mengurangkan jangka hayat komponen komputer

Semasa komputer di *shutdown*, unit pemprosesan ataupun *processor* memberi arahan kepada *bios* untuk memberhentikan segala kerja komponen yang terdapat, ianya juga mengawal arus keluar masuk pada komponen, jika anda mematikan komputer dengan arus tidak betul lama kelamaan komponen anda akan cepat rosak.

3. Processor akan mudah rosak

Semasa *shutdown*, *bios* akan memainkan peranan penting bagi mematikan *fan cooler* pada *processor*. Jika ianya dimatikan secara mengejut maka *processor* akan tersentak. *Memory* mudah rosak dimana semasa *shutdown* sistem memori atau *cache* akan dikosongkan, ianya akan mengakibatkan kerosakan pada *memory*.

4. Hard disk rosak

Jika sistem operasi tidak ditutup secara *shutdown* dengan mengikut langkah yang betul, maka berkemungkinan cakera yang terdapat pada *hard disk* mudah rosak, kerana bekalan arus dimatikan secara mengejut, *head* atau kepala *hard disk* akan cepat rosak.



TIP PENJAGAAN KOMPUTER RIBA

1. Bateri

- * Elakkan daripada penggunaan bateri.
- * Komputer lebih sejuk tanpa haba dari bateri.
- * Jika bateri sudah habis dicas, digalakkan menggunakan kuasa dari adapter.
- * Pastikan bateri berada di bawah 10 peratus sebelum dicas semula.
- * Jika terlalu kerap dicas, bateri akan kehilangan keupayaan menyimpan tenaga di bawah 50 peratus.

2. Papan Kekunci.

- * Letakkan sekeping kertas A4 untuk papan kekunci setiap kali tidak menggunakannya untuk menghindarkan papan kekunci dimasuki habuk.
- * Sesekali lapkan papan kekunci dengan perlahan-lahan. Jangan terlalu kasar untuk mengelakkan butang kekunci rosak.
- * Kalau boleh gunakan papan kekunci dan tetikus berasingan supaya kita tidak terlalu kerap menggunakan papan kekunci di komputer riba.

3. Skrin LCD

- * Lapkan ia selalu kerana mudah dimasuki habuk.
- * Gunakan screen saver.
- * Power management setkan pada Turn Off monitor dalam 15 minit.
- * Elakkan menyentuh skrin dengan jari kerana kesan jari yang berminyak menyukarkan untuk pembersihan.
- * Jangan letakkan jari di skrin kerana boleh menyebabkan Dead pixel.



4. Haba Panas

- * Pastikan komputer riba anda ada ruang untuk mengeluarkan haba panas.
- * Perlu diingat komputer riba mempunyai ruang simpanan yang kecil.


10 PERKARA MENYEBABKAN TERJEJASNYA PRESTASI KOMPUTER

1. Mikropemproses mengalami kepanasan melampau.

Kepanasan melampau ini terjadi apabila motor kipas yang menjadi penyejuk kepada mikropemproses tidak dapat berfungsi dengan baik. Ini disebabkan habuk yang terdapat di sekeliling kipas yang menyekat putaran kipas tersebut. Selain daripada itu, mungkin *bearing* kipas menjadi longgar yang menyebabkan gegaran berlaku pada mikropemproses. Kesannya ialah mikropemproses tidak dapat bekerja dengan baik.

2. Masalah RAM

Terdapat juga RAM yang dari jenis murah yang tidak memenuhi spesifikasi serta mempunyai masalah komposisi cip-cip yang siap terbina. Akibat dari masalah ini, ialah RAM mudah mengalami kepanasan melampau yang menjejaskan keupayaan komputer. Selain daripada itu, masalah *Blue Screen* juga akan lebih kerap berlaku.



3. Cakera keras

Bagi cakera keras pula, masalah-masalah yang menyebabkan terjejasnya prestasi komputer ialah seperti bertambahnya sektor-sektor rosak (*bad sector*) ketika melakukan proses *chkdsk* dan *scandisk*, kerosakan dalaman (*intermittent*) yang mengakibatkan kegagalan proses boot dan capaian putaran per masa yang rendah yang mungkin tidak sesuai dengan spesifikasi komputer yang digunakan.

4. Konfigurasi BIOS

Pengguna komputer seharusnya tidak terlalu bergantung kepada konfigurasi BIOS 'kilang' sebaliknya perlu mengetahui konfigurasi sistem yang optimum. Ini adalah kerana konfigurasi BIOS yang tidak tepat turut mempengaruhi keupayaan komputer.

5. Pengawal Cakera

Kabel pengawal yang digunakan perlu menepati spesifikasi pengawal cakera yang dipasang. Begitu juga dengan papan ibu (*motherboard*) yang harus mampu menyokong pengawal cakera. Sebagai contoh pengawal cakera *UDMA-66* memerlukan kad khusus untuk dipasang pada papan ibu yang hanya menyokong pengawal cakera *UDMA-33*. Jika tidak dipasang, ia pasti akan mengundang masalah kepada prestasi komputer.

6. Sistem Operasi

Sistem operasi seperti Windows XP dan Windows 2000 biasanya mempunyai banyak servis yang dijalankan. Servis-servis yang dijalankan jika terlampau banyak akan merencatkan prestasi komputer. Servis yang jarang diguna sepatutnya diberhentikan kerana ia banyak menggunakan sumber tenaga komputer.



7. Proses dan Aplikasi

Proses dan Aplikasi (.exe) yang terlampau banyak digunakan akan menyebabkan komputer menjadi perlahan. Untuk melihat proses dan aplikasi yang sedang dilarikan, pengguna boleh klik pada bahagian Windows Task Manager.

8. Fragmentasi Cakera

Fragmentasi cakera berlaku apabila terlalu kerap fail-fail disimpan, dipadam dan ditukar. Ini menyebabkan kandungan fail bertaburan didalam sektor. Fragmentasi juga berlaku apabila kandungan cakera penuh. Seharusnya ruang kosong sebanyak 20% sehingga 25% perlu disediakan bagi mengurangkan masalah fragmentasi ini.

9. Aplikasi latar belakang

Ramai pengguna yang suka melarikan aplikasi latar belakang secara automatik selepas proses boot ataupun permulaan sistem operasi. Aplikasi yang terlalu banyak dilarikan pada satu-satu masa akan menyebabkan komputer menjadi perlahan dan adakalanya menyebabkan 'hang'. Aplikasi-aplikasi yang digunakan ini boleh dilihat pada folder Startup.

10. Sistem fail

Dalam sistem operasi Windows terutamanya NT dan 2000, pemilihan sistem fail iaitu NTFS dan FAT adalah sangat penting. Ini adalah kerana sistem fail ini merujuk kepada saiz dan bilangan kelompok dalam sesuatu cakera. Saiz kelompok yang besar akan meningkatkan prestasi komputer. Kebiasaanya, sistem fail NTFS mempunyai saiz kelompok yang lebih besar berbanding FAT.

